

03 FEB 1997

Cuepacs-imbuhan

CUEPACS HANTAR EMPAT MEMORANDUM KEPADA JPA

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Cuepacs akan tetap dengan keputusannya meminta kerajaan menaikkan imbuhan tetap perumahan kakitangan kerajaan bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan kepada RM230.

Kumpulan Pengurusan dan Profesional kini menerima RM110 manakala kumpulan Sokongan pula mendapat RM90 sebulan.

Untuk itu, Cuepacs telah menghantar empat memorandum kepada Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA) pada 10 Jan lepas selaras dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada Cuepacs dalam satu pertemuan pada 29 Okt lepas, kata Timbalan Setiausaha Agung Cuepacs Abdul Rahman Manan.

Beliau memberitahu Bernama hari ini bahawa selain memorandum mengenai kenaikan imbuhan tetap perumahan, memorandum lain ialah mengenai formula baru pencen, Persyarikatan Malaysia dan jadual gaji matriks.

Memorandum itu diserahkan kepada Ketua Pengarah JPA Datuk Dr Mazlan Ahmad, katanya.

Abdul Rahman berkata memorandum itu adalah hasil daripada satu bengkel khas antara presiden dan semua setiausaha kesatuan gabungan Cuepacs di Langkawi dari 27 hingga 30 Dis lepas.

Menurutnya Cuepacs juga telah membincangkan perkara itu dengan Ketua Setiausaha Negara Datuk Abdul Halim Ali baru-baru ini.

Ketika ditanya sama ada permintaan Cuepacs itu akan dipersetujui oleh kerajaan, beliau berkata: "Kita optimis...kita akan tunggu dan lihat."

"Perdana Menteri telahpun memberi respons yang baik manakala JPA memaklumkan kepada Cuepacs bahawa memorandum berkenaan sedang dalam kajian," katanya.

Ketika ditanya sama ada Cuepacs akan meminta JPA supaya kakitangan kerajaan yang bertugas di bandar raya dibayar elaun khas yang dipanggil "Elaun Bandar raya", Abdul Rahman berkata ia telah lama dibangkitkan.

"Tetapi keutamaan kami sekarang ialah memastikan JPA bersetuju dengan permintaan kami dalam memorandum itu," kata beliau. --BERNAMA

ES MAI